

Hukuman mati kekal sehingga dimansuh: Tun M

BERITA HARIAN 16/10/2018

M/S 03

[FOTO AIZUDDIN SAAD /BH]

➔ Kerajaan belum luluskan undang-undang berkaitan pemansuhan

han masing-masing ditangguhkan sehingga pemansuhan berkuat kuasa.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), Datuk Liew Vui Keong, dilaporkan berkata kerajaan menimbang mengenakan hukuman penjara minimum 30 tahun sebagai ganti, jika hukuman mati mandatori dimansuhkan.

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, pelaksanaan hukuman mati mandatori di negara ini kekal sehingga ia dimansuhkan.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada cadangan memansuhkan hukuman terbabit, itu tidak bermaksud ia sudah dihapuskan.

"Kita perlu menunggu sehingga akta berkaitan diluluskan. Kerajaan belum meluluskan undang-undang berkaitan pemansuhan hukuman mati," katanya kepada media di lobi Parlimen, semalam.

Minggu lalu, Kabinet dilaporkan sudah memutuskan pelaksanaan hukuman mati mandatori terhadap semua kesalahan, akan dimansuhkan di negara ini.

Susulan itu, pelaksanaan hukuman mati terhadap pesalah yang sudah disabitkan kesala-

18 kesalahan jenayah

Ketika ini ada 18 kesalahan jenayah memperuntukkan hukuman mati, termasuk mengedar dadah, melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong, keganasan, membunuh, membunuh mangsa ketika penculikan, memiliki dan menggunakan senjata api, merogol sehingga menyebabkan kematian.

Ketika ini, seramai 1,267 banduan berdepan hukuman mati mengikut Seksyen 39 (B) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Bagaimanapun pelaksanaan hukuman terbabit ditangguhkan sejak 2014.

Dalam perkembangan berasingan, Dr Mahathir berkata, kerajaan membebaskan 11 etnik Uighur yang menyusup ke Malaysia sejak November tahun lalu, selepas didapati tidak melakukan sebarang kesalahan dalam negara ini.

"Mereka tidak melakukan kesalahan di negara ini, maka mereka dibebaskan," katanya.



Dr Mahathir meninggalkan sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam.

November tahun lalu, seramai 25 tahanan etnik Uighur di Thailand melarikan diri dengan menggunakan selimut, untuk memanjat keluar daripada penjara.

Namun, hanya 11 orang yang berjaya melarikan diri sehingga ke kawasan pedalaman negara ini melalui sempadan Malaysia-

Selatan Thailand.

China sebelum ini mendesak Malaysia menghantar pulang 11 etnik Uighur terbabit.

Semua dakwaan terhadap 11 etnik Uighur terbabit digugurkan atas budi bicara pihak pendakwa raya dan mereka kini berada di Turki sejak Jumaat lalu.